

Latar Belakang

Facilities Management System (FMS) adalah sistem maklumat pengurusan fasiliti yang dibangunkan menggunakan perisian off-the-shelf iaitu Archibus/FM untuk menyokong pengurusan dan penyelenggaraan fasiliti di UiTM.

Secara keseluruhan pemilik proses sistem tersebut adalah Jabatan Pembangunan Infrastruktur, PPII.

Terdapat tiga (3) modul dalam sistem ini merangkumi modul **Space Management, Building Operation Management** dan **Design Management** with AutoCAD Overlay.



Bagi menambahbaik sistem FMS sedia ada, **lapan (8) sistem sokongan lain telah dibangunkan secara dalaman** iaitu sistem e-Aduan, sistem e-Bangunan, sistem e-Kontrak, sistem eWorks, sistem eMajlis, sistem eProjek dan sistem eRuang.

Sistem Maklumbalas Pelanggan turut dibangunkan pada 2009 untuk mendapatkan maklumbalas pelanggan secara dalam talian bagi perkhidmatan fasiliti yang disediakan oleh Jabatan Pembangunan Infrastruktur, PPII.

Jabatan Infostruktur dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Sistem Pengurusan Fasiliti berdasarkan kepada keperluan pemilik sistem iaitu Jabatan Pembangunan Infrastruktur, PPII. Bahagian Sistem Maklumat dipertanggungjawabkan untuk:

- **Menguruskan keperluan baru dan penambahbaikan pembangunan aplikasi** berdasarkan permintaan pemegang taruh (*stakeholder*) utama seperti Bahagian Dasar & Operasi Fasiliti, Bahagian Fasiliti, Bahagian Projek Pembangunan & Fasiliti, Bahagian Kontrak & Kawalan Kos dan lain-lain.
- **Menyelenggara** dan memastikan sistem pengurusan fasiliti universiti beroperasi dalam keadaan baik secara menyeluruh dan bersepadu.
- Memberi **khidmat sokongan teknikal** dan **latihan** berkaitan sistem kepada pengguna sasar di kalangan staf Jabatan Pembangunan Infrastruktur dan Bahagian Fasiliti Kampus Negeri.



Fakta Ringkas

Sistem Pengurusan Fasiliti

TENAGA KERJA
4 Orang
(1 PTM, 3 PPTM)

INFORMASI FMS
3 Modul Archibus
8 Sistem Sokongan
1 Mobile Apps eWorks
4 Kategori Pengguna
(staf, pelajar, pembekal, orang awam)

INFRASTRUKTUR FMS
• Aplikasi: **Archibus, PHP**
• Pangkalan Data: **Oracle**

Objektif, Modul dan Sistem Sokongan

Sistem Pengurusan Fasiliti
Facilities Management System
FMS

OBJEKTIF

FMS adalah satu aplikasi yang penting untuk UiTM sejajar dengan visi Naib Canselor untuk menjadikan Universiti Teknologi MARA sebagai Universiti Bertaraf Dunia pada tahun 2006. Dengan adanya implementasi FMS di universiti maka ini akan meletakkan UiTM dalam kelasnya tersendiri dalam mengurus fasiliti universiti secara keseluruhan. Antara objektif utama FMS adalah:


- Menyediakan **informasi** berkaitan **pengurusan fasiliti** yang boleh dicapai di mana sahaja dengan mudah.
- Kesemua **proses pengurusan fasiliti** sedia ada **diautomasikan** sesuai dengan persekitaran pengguna.
- Memberikan kemudahan kepada pengguna untuk menyediakan **laporan** dan **statistik** melalui proses layan diri dengan meminimumkan tenaga teknikal.
- Menyediakan **capaian maklumat** berkaitan **infrastruktur fizikal** dan **kemudahan fasiliti** kepada kampus cawangan UiTM dengan cepat dan mudah.



MODUL

Tiga (3) modul utama di dalam Sistem FMS (Archibus) yang dilaksanakan di UiTM adalah:

- 1. Modul Pengurusan Ruang**
Modul ini membolehkan pengguna untuk merancang pengurusan ruang, menentukan penempatan pemilik dan mengemaskini maklumat ruang sedia ada, tambahan dan sebagainya di seluruh kampus UiTM.
- 2. Modul Pengurusan Rekabentuk – AutoCAD Overlay**
Modul ini membolehkan capaian lukisan *polyline/Drawing* (untuk sesebuah bangunan/blok/aras) bagi lokasi pengguna di dalam sistem FMS. Pelan lakaran *polyline (drawing)* yang terdiri daripada *Floor Plan Drawing, Ceiling Plan, M & E Drawing* menjadi sumber kepada maklumat ruang untuk Sistem FMS. Modul ini diintegrasikan dengan perisian AutoCAD.
- 3. Modul Pengurusan Operasi Bangunan**
Pelaksanaan *Corrective Maintenance* dan *Preventive Maintenance* bagi penyelenggaraan bangunan dapat dibuat menggunakan modul ini melalui janaan borang arahan kerja. Modul ini juga membolehkan pihak fasiliti membuat analisis dan laporan kerosakan berdasarkan prosedur ISO dan KPI jabatan yang telah ditetapkan.



APLIKASI SOKONGAN

- **Sistem e-Aduan (2006)**
Sistem ini membolehkan semua warga UiTM termasuk orang luar (kontraktor/penjaga dll) membuat aduan kerosakan fasiliti secara atas talian (<http://www.fms.uitm.edu.my>).
- **Sistem e-Kontrak (2010)**
Pembangunan sistem pengurusan maklumat kontraktor bermula pada Ogos 2010. Bahagian Kontrak & Kawalan Kos merupakan pengguna utama sistem ini. Tujuan utama pembangunan sistem ini adalah untuk menyimpan maklumat kontraktor dan kontrak fasiliti selain membuat penilaian terhadap prestasi kontraktor.
- **Sistem e-Bangunan (2011)**
Sistem ini diadakan bagi tujuan menyimpan maklumat bangunan UiTM dan membantu proses pengauditan bangunan.
- **Sistem Kajian Kepuasan Pelanggan (2012)**
Sistem ini menyediakan kemudahan kepada Pejabat Pengurusan Fasiliti UiTM untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan. Sistem ini adalah mengikut piawaian ISO di Jabatan Pembangunan Infrastruktur, PPII.
- **Sistem e-Works (2014)**
Tiga (3) fungsi sistem ini adalah penyelenggaraan pembaikan, pendaftaran pegawai dan merekodkan laporan bulanan berkaitan aduan. Pada tahun 2019 sistem ini telah dibangunkan dalam persekitaran mobile. Dengan itu, e-Works boleh diakses melalui platform Android dan iOS.
- **Sistem e-Majlis (2014)**
sistem ini bertujuan untuk mengurus permohonan majlis yang merangkumi tempahan lokasi dan peralatan, arahan pegawai yang bertugas sehingga majlis selesai. Ia dibangunkan dengan tujuan memudahkan warga UiTM untuk membuat permohonan tempahan lokasi dan peralatan majlis di bawah kendalian Jabatan Pembangunan Infrastruktur secara dalam talian.

- **Sistem e-Projek (2015)**
Sistem ini memberi fokus kepada fungsi modul seperti Permohonan Projek, Maklumat Projek, Modul Laporan dan Modul Administrator. Tujuan utama pembangunan sistem ini adalah untuk memantau dan merekod projek pembangunan dan fasiliti universiti di Bahagian Projek Pembangunan & Fasiliti, Jabatan Pembangunan Infrastruktur.
- **Sistem e-Ruang (2016)**
Sistem ini dibangunkan bagi tujuan memudahkan staf UiTM membuat permohonan ruang universiti secara dalam talian dengan lebih efektif dan berekod. Modul sistem terdiri daripada modul Permohonan Ruang, Kelulusan Ruang, Sejarah Pemilikan Ruang, Audit Kapasiti Ruang dan Laporan.



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi pegawai berikut:

- Ketua Bahagian Dasar Fasiliti, Jabatan Pembangunan Infrastruktur, PPII
- Tel. : 03 55438585
- Faks : 03 55211122
- <https://ppii.uitm.edu.my>

Sila imbas QR Code untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai Jabatan Infostruktur



Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur